

Melayu tidak titik beratkan kuasai ilmu

UM 22 JUN 2011

KUALA LUMPUR 21 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, orang Melayu tidak menitikberatkan penguasaan ilmu sehingga ada berpendapat kelulusan sederhana sudah mencukupi kerana kuota disediakan untuk penuntut Melayu.

Malah Perdana Menteri berkata, ada pula yang dipengaruhi oleh Pas bahawa pelajaran yang harus dituntut oleh anak Melayu selaku penganut Islam hanyalah pelajaran agama manakala ilmu lain dicap sekular dan tidak penting.

“Jika dipelajari sekalipun, masa yang lebih patut diberi ialah kepada acara dan kegiatan agama tambahan yang diwajibkan oleh orang yang antiilmu ini, selain daripada fardu ain dan ibadat-ibadat yang wajib.

“Sebenarnya usaha memesongkan anak Melayu daripada menuntut ilmu bermula dari tadika yang diadakan oleh Pas,” tegasnya yang

juga Presiden UMNO semasa merasmikan Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Sebagai perbandingan Dr. Mahathir berkata, orang bukan Melayu sebaliknya menganggap menuntut ilmu sebagai sesuatu yang mulia dan masyarakat memandang tinggi mereka yang berilmu.

Berhubung kuota pelajar, Perdana Menteri menjelaskan kerajaan akan terus menentukan kemasukan penuntut Melayu ke dalam Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

“Ini adalah tanggungjawab kerajaan. Manamana kerajaan pun akan membuat demikian. Ini adalah hak keistimewaan orang Melayu yang terjamin sehingga akhir zaman,” katanya.

Bagaimanapun beliau berkata: “Saya tak tahu ini betul atau tidak...”

Sebenarnya, katanya, kecerdasan otak orang Melayu tidak kurang daripada kaum-kaum lain.

Beliau juga menyentuh prestasi kurang baik pelajar lelaki Melayu di universiti berbanding pelajar wanita Melayu yang kemasukan mereka kini pada tahap 20:80.

Katanya, hari ini lebih ramai penuntut wanita Melayu yang diterima masuk ke universiti berbanding dengan penuntut lelaki.

“Mereka pergi ke sekolah yang sama tetapi sementara penuntut lelaki tidak serius belajar, penuntut wanita lebih tekun belajar. Mereka tidak merayau-rayau. Mereka lebih bertanggungjawab.

“Jika tidak kerana penuntut wanita, jumlah penuntut Melayu di universiti akan tinggal hanya separuh,” katanya.

Dr. Mahathir berkata lagi, kerajaan perlu mewujudkan kuota untuk penuntut Melayu ke universiti adalah juga kerana sikap orang Melayu terhadap tanggungjawab menuntut ilmu itu sendiri.